

PM: Fasa kedua MSC tumpukan pekerjaan mahir

UM - 6 SEP 2003
Oleh ASUKI ABAS dan
MOHD. RIDZWAN IMAN

CYBERJAYA 5 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, fasa kedua projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan memberi tumpuan terhadap usaha meluaskan peluang pekerjaan mahir kepada lebih ramai rakyat Malaysia bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Perdana Menteri berkata, dengan menawarkan latihan kemahiran dan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada lebih ramai rakyat, MSC dapat memberi sumbangan bermakna terhadap usaha Malaysia untuk membangun menjadi negara maju.

“Fasa kedua akan dibentuk selaras untuk memenuhi keperluan kita bagi meningkatkan pendapatan rakyat dengan mengambil bahagian dalam kerja-kerja yang memerlukan lebih banyak kemahiran terutamanya yang berpengetahuan tinggi, itulah jalan yang kita akan tuju.

“Kita boleh dapat upah yang lebih tinggi dengan berpiket dan mendesak gaji dinaikkan, tetapi ia tidak akan bertahan lama kerana kita akan hilang kelebihan daya saing kita.

“Tetapi dengan melatih rakyat dan menyediakan peluang untuk mereka mendapatkan kerja yang menawarkan upah yang tinggi, MSC dengan itu dapat menyumbangkan kepada usaha negara ini untuk membangun menjadi sebuah negara maju,” ujarnya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Ketujuh di Cyberview Lodge di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan 17 ahli IAP menyertai mesyuarat dua hari itu.

MSC yang dimulakan pada tahun 1997 beralih memasuki fasa kedua yang akan berakhir pada 2010.

Projek itu sehingga kini telah berjaya menghimpunkan sebanyak 925 syarikat berstatus MSC termasuk 29 institusi pengajian tinggi dan sembilan syarikat inkubator.

Tambah Dr. Mahathir, MSC sehingga kini telah menyediakan kira-kira 21,000 peluang pekerjaan dan mencatatkan jualan tahunan berjumlah RM5.85 bilion.

Perdana Menteri berkata, fasa kedua akan merangkaikan MSC dengan pusat-pusat teknologi dan negeri-negeri yang telah dikenal pasti.

“Kita akan menimbang untuk turut melanjutkan insentif kepada pusat-pusat itu juga tetapi kita akan mengkaji dahulu cadangan yang dibuat oleh ahli-ahli IAP sebelum merangka rancangan khusus dalam fasa kedua ini,” katanya.

Antara negeri yang telah dikenal pasti ialah Pulau Pinang yang mempunyai banyak syarikat pembuatan berteknologi tinggi dan Kulim High Technology Park di Kedah.

Semalam, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia, Datuk Dr. Mohamed Arif Nun memberitahu, fasa kedua akan memberi fokus kepada

pengembangan aplikasi berteknologi tinggi, penyelidikan teknologi baru dan pembangunan kreatif multimedia.

Ia juga akan meliputi perluasan pembangunan fizikal dengan merangkaikannya dengan bandar-bandar pinjar di seluruh negara dan juga dunia.

Perdana Menteri berkata, antara isu yang ditekankan oleh ahli-ahli IAP ialah keperluan untuk MSC diketengahkan ke peringkat antarabangsa dan membangunkan tenaga pakar yang secukupnya.

“Mereka menyatakan perlunya bakat-bakat berkualiti tinggi dan MSC menyedia-

kan kepimpinan dari segi pemikiran, inovasi dan lain-lain.

“Mereka juga menekankan perlunya kerjasama antara universiti dan industri dibangunkan kerana universiti-universiti selalunya cenderung untuk mengambil pendekatan yang terlalu akademik,” ujarnya.

Selain itu, ahli IAP turut menyatakan bahawa persekitaran keusahawanan perlu dibangunkan di MSC bagi membolehkan industri-industri yang terdapat di koridor berkenaan lebih memfokus kepada rantaian penghantaran dan bekalan, tambah Perdana Menteri.